

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL [ LIBARAN ]**

**TARIKH : 17 JUN 2014 (SELASA)**

**SOALAN : 75**

**Datuk Juslie bin Ajirol [ Libaran ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan jumlah menara komunikasi yang telah dan akan dibina di seluruh negeri Sabah termasuklah di kawasan Parlimen Libaran bagi meningkatkan kadar penggunaan jalur lebar terutama bagi pencapaian internet 3G dapat digunakan secara meluas.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah menara yang telah dibina dan siap beroperasi di negeri Sabah setakat ini adalah sebanyak 173 menara. Daripada jumlah ini, terdapat 3 menara telah siap beroperasi berada di dalam Parlimen Libaran. Daripada 39 menara yang masih di dalam pelaksanaan, sebanyak 24 menara dijangka akan beroperasi menjelang akhir Jun 2014 dan 15 menara dijangka siap menjelang akhir bulan Ogos 2014. Sebanyak 79 menara lagi dirancang untuk pelaksanaan di Sabah pada tahun 2014 dimana satu (1) adalah di bawah Parlimen Libaran.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG**  
**[ LANANG ]**  
**TARIKH** : **17 JUN 2014**  
**SOALAN** :

**YB Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jenis kanser yang paling banyak di Malaysia dan statistik pesakit kanser mengikut jenis kanser, jantina, umur dan kaum dari tahun 2003 hingga 2014 di setiap negeri.

**Tuan Yang Dipertua,**

Kanser merupakan salah satu dari penyakit kronik yang memberi bebanan yang besar kepada pesakit, keluarga, organisasi dan negara. Kanser boleh menyerang sesiapa sahaja tanpa mengira umur, jantina dan bangsa. Kejadian kanser juga dijangka akan terus meningkat selari dengan pertambahan jumlah penduduk yang berusia, amalan gaya hidup yang kurang sihat dan pendedahan kepada bahan-bahan berbahaya akibat dari arus permodenan.

Terdapat berbagai jenis kanser yang boleh menyerang pesakit, namun demikian, hanya sebahagian dari jenis-jenis kanser ini kerap berlaku. Secara keseluruhan, setiap tahun jenis kanser yang kerap dilaporkan di setiap negeri adalah hampir serupa dengan jenis kanser yang kerap dilaporkan untuk seluruh negara. Kejadian kanser bagi hampir ke semua jenis kanser selain dari yang kerap menyerang kanak-kanak, adalah meningkat dengan pertambahan usia. Ia meningkat dengan ketara selepas usia 50 tahun. Selain itu, kanser didapati lebih kerap berlaku di kalangan bangsa Cina berbanding dengan dengan bangsa Melayu, India dan lain-lain.

Secara keseluruhan, sama dengan kebanyakan negara-negara lain di dunia, kanser payudara adalah merupakan kanser yang paling penting atau kerap berlaku di Malaysia dan menyumbang kira-kira 18 peratus dari kesemua kanser yang dilaporkan kepada Registri Kanser Kebangsaan. Menurut analisa awal kanser tahun 2007-2011, lima jenis kanser yang paling penting atau kerap berlaku di kalangan lelaki Malaysia adalah kanser usus besar atau kanser kolorektal (16.6%) diikuti dengan kanser paru-paru (15.7%), nasofarink (8.3%), limfoma (6.8%) dan prostat (6.7%). Sementara itu, di kalangan wanita pula, lima jenis kanser yang paling kerap berlaku di Malaysia adalah kanser payudara (32.2%), usus besar (10.7%), servik (7.8%), ovari (6.1%) dan paru-paru (5.6%).

Apabila dilihat mengikut bangsa dan tanpa mengikut jantina, secara keseluruhan kanser payudara merupakan kanser yang paling kerap berlaku di kalangan tiga bangsa utama di Malaysia. Tiga jenis kanser yang paling kerap berlaku di kalangan wanita juga adalah serupa. Menurut pecahan bangsa, tiga jenis kanser yang paling kerap berlaku di

kalangan lelaki Melayu adalah kanser paru-paru (16.4%), kanser usus besar (15.5%) serta limfoma (8.8%) dan di kalangan wanita Melayu pula tiga jenis kanser yang paling kerap berlaku ialah kanser payu dara (35.2%), usus besar (9.1%) dan servik (7.1%). Sementara itu, untuk bangsa Cina, tiga jenis kanser yang paling kerap berlaku di kalangan lelaki adalah kanser usus besar (18.9%), paru-paru (16.7%) serta nasofarink (10.4%); dan di kalangan wanita adalah kanser payu dara (33.2%), usus besar (13.8%) dan servik (8.0%). Bagi bangsa India pula, tiga jenis kanser paling kerap berlaku di kalangan lelaki adalah kanser usus besar (14.7%), paru-paru (9.8%) dan limfoma (7.2%). Sementara di kalangan wanita India pula ialah kanser payu dara (35.5%), usus besar (7.6%) dan servik (6.7%).